


MDEC melihat trend syarikat semakin memanfaatkan bakat pekerja bebas untuk memenuhi keperluan bakat jangka pendek dan berkembang pesat.



Pupuk tenaga kerja pintar digital

Oleh Sri Ayu Kartika Amri

kartika@hmetro.com.my

MDEC sasar 100,000 rakyat Malaysia peroleh kemahiran melalui platform digital akhir 2021

Kuala Lumpur

Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) menyasarkan untuk memberi impak kepada hampir 100,000 rakyat Malaysia untuk belajar dan memperoleh kemahiran digital melalui platform digital menjelang akhir 2021.

Pengerusinya, Datuk Wira Dr Rais Hussin Mohamed Ariff berkata, usaha itu bagi membangunkan saluran kerja bakat yang relevan untuk masa depan dan memupuk tenaga kerja pintar digital.

Katanya, automasi berikutan Covid-19, mewujudkan senario 'gangguan berganda' untuk pekerja yang akan mengubah tugas, pekerjaan dan kemahiran menjelang 2025.

"Selain itu, MDEC juga melihat trend syarikat se-



DR Rais

makin memanfaatkan bakat pekerja bebas untuk memenuhi keperluan bakat jangka pendek dan berkembang pesat. Sebagai contoh, *Freelancer.com* dan *Upwork* menekankan bahawa bidang yang paling cepat berkembang untuk pekerja bebas adalah analisis data dengan peningkatan 116 peratus pada suku keempat 2020.

"Berikutan perkemba-

ngan perniagaan menjadi fokus dalam norma digital baharu, sangat mustahak untuk MDEC mengukuhkan asas bagi memastikan perubahan berjalan lancar.

"Oleh itu, saya bersama Lembaga Pengarah dan pengurusan MDEC memperkenalkan Misi Mencipta Semula pada 2020 ini memungkinkannya MDEC untuk mewujudkan organisasi yang tangkas dan efisien untuk melaksanakan inisiatif bagi memajukan ekonomi digital," katanya kepada *Bisnis Metro*.

Menurutnya, dengan mendapatkan bakat terbaik yang ditawarkan industri, MDEC kini memiliki pasukan untuk membolehkan pihaknya melaksanakan lebih banyak inisiatif dengan pantas, menempatkan agensi dalam posisi yang lebih baik untuk berkhidmat

kepada rakyat, menyokong industri dan kerajaan, menarik pelaburan mengatasi kekurangan yang ketara.

Rais berkata, untuk melaksanakan misi terbabit, tahun ini MDEC akan menjadi lebih berpotensi dan bersemangat terutama dengan visi Malaysia 5.0, MDEC membayangkan negara akan terintegrasi dengan teknologi yang memperkasakan inklusiviti, kelestarian dan kemakmuran bersama.

Beliau berkata, misi MDEC memimpin transformasi digital Malaysia untuk peluang ekonomi digital yang adil, memacu negara digital yang berdaya saing di seluruh dunia serta mencapai sumbangan ekonomi digital sebanyak 22.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2025.